

Bahagian DEB mana perlu dihapuskan?

SEJAK akhir-akhir ini timbul desakan daripada pelbagai pihak yang mahukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diwujudkan pada 1970 dihapuskan atau diolah semula. Adakah wajar dasar ini dihapuskan selepas berjasa hampir 50 tahun kepada negara?

Bagi mendapatkan pandangan sama ada wajar DEB diteruskan atau sebaliknya, wartawan *Mingguan Malaysia*, **SHARAMEI SHAIK AHMEDULLAH** bersama jurugambar **AMIR KHALID** dan juru video, **MOHD. KAMARUL HASBI KAMARUDIN** menemu bual Profesor Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **PROF. TAN SRI DR. NOOR AZLAN GHAZALI** di pejabatnya baru-baru ini.

MINGGUAN: Adakah cadangan untuk menghapuskan DEB wajar?

NOOR AZLAN:

Sebenarnya DEB bermula dari 1970 hingga 1990, selepas tempoh itu kita ada dasar-dasar baharu dan namanya juga berbeza seperti Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan dasar Transformasi Nasional yang banyak orang tidak tahu sekarang. Biarpun DEB tiada secara khusus sekarang tetapi roh dan intipatinya terus menjadi antara asas yang penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Jadi kalau orang kata hendak dimansuhkan DEB, sebenarnya pada 1990 DEB sudah tamat tetapi yang ada sekarang adalah dasar-dasarnya selepas itu mengambil roh dan intipatinya sahaja. Sebab itu, secara umumnya setiap perkara dalam dasar-dasar ini mengambil rujukan daripada DEB dan ia masih relevan hingga hari ini. Jadi, apabila ada pihak yang sebut tidak mahu lagi DEB, kita kena jelas apa yang mereka tidak mahu dan kalau hendak diubah bahagian mana yang perlu diubah.

Apakah kita tidak mahu lagi melihat kepada rohnya atau sudah anggap apa yang hendak diperolehi sudah dicapai?

NOOR AZLAN: DEB banyak melihat kepada matlamat pembangunan negara yang memerlukan perpaduan yang tinggi dalam kalangan masyarakat yang berbeza di Malaysia. Pada masa sama, kedudukan dan peristiwa yang berlaku di Malaysia ketika itu melihat bahawa pentingnya ekonomi yang lebih saksama sebagai asas yang membawa kepada perpaduan negara.

Jadi ekonomi dilihat sebagai perantara penting yang boleh menghasilkan perpaduan dan kemakmuran. Disebabkan itu, dalam DEB dua perkara penting yang disebut adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan yang kedua pula mengenalpastikan semula ekonomi supaya menjadi lebih seimbang dan saksama. Ada juga menyebut dasar ini dasar untuk sesuatu kaum sahaja tetapi

sebenarnya ia tidak sebut secara khusus mengenai kaum Melayu, yang pasti terdapat usaha untuk membangunkan ekonomi supaya ia dapat dikongsi secara saksama.

Bagi saya kalau kita hendak membuat penilaian mengenai matlamat itu pada hari ini kita kena melihatnya pada waktu sekarang. Contohnya, kalau kita ambil isu kemiskinan, sekitar tahun 1970-an kira-kira 49.3 peratus isi rumah di negara ini berada di bawah garis kemiskinan dan hari ini 0.04 peratus sahaja yang berada dalam garis kemiskinan, ini bermakna kita sudah berjaya tanganinya tetapi timbul pula isu baharu selepas itu iaitu melibatkan isu pendapatan rendah yang berbeza dengan isu kemiskinan.

Isu kedua pula, adakah kemajuan ekonomi yang mana manfaatnya dapat dikongsi secara saksama? Di awal 1970-an ia sangat ketara berlaku seperti sektor perniagaan dikuasai masyarakat Cina, sektor perladangan melibatkan masyarakat India dan sektor pertanian luar bandar tertumpu kepada Melayu, jadi perkara ini nampak sangat dan bila kata miskin dan tidak mendapat pendidikan yang baik, ia selalu dirujuk kepada masyarakat Melayu. Jadi DEB cuba perbetulkan perkara ini.

Secara rumusan polisi ini adalah polisi afirmatif iaitu satu polisi yang cuba menangani kumpulan-kumpulan masyarakat yang terpinggir akibat daripada kedudukan sosio termasuk melibatkan isu pendapatan, penempatan, akses kepada pendidikan, kesihatan, modal dan sebagainya.

Kita ambil contoh mengenai situasi seorang pelajar, anak kepada penoreh getah dan tinggal di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur dan kemudian dalam peperiksaan dia berjaya memperoleh 3A, kemudian dibandingkan pula dengan pelajar di bandar yang mana keluarganya berpendapatan tinggi dan mendapat segala kemudahan, kemudian memperoleh 7A dalam peperiksaan. Kalau mengikut dasar meritokrasi yang mendapat 3A tidak layak ke peringkat seterusnya hanya yang peroleh 7A yang layak.

“Kita harus faham mana-mana kerajaan yang hendak mewujudkan polisi afirmatif, matlamat dan reka bentuknya mestilah tepat sebab ia amat terdedah kepada manipulasi dan eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu terhadap polisi ini.

Jadi kepada yang sangat cenderung kepada dasar meritokrasi mereka harus faham, dasar ini ada kelebihan namun begitu tetap ada kelemahannya. Dalam bahasa ekonomi dipanggil kegagalan ekonomi.

Kegagalan pasaran adalah salah satu elemen dalam ekonomi yang menjadi justifikasi kepada pengenalan terhadap polisi-polisi afirmatif. Dalam konteks Malaysia dalam tahun 1970-an kebanyakan orang Melayu berada di luar bandar tetapi apabila kita tanya siapa yang akan mendapat kemudahan infrastruktur terlebih dahulu sama ada penduduk luar bandar atau bandar? Sudah pasti penduduk bandar yang akan dapat jadi secara sendirinya perkara ini akan mewujudkan isu kegagalan pasaran.

Bagaimanapun disebabkan yang berada di luar bandar ialah kaum Melayu maka disebabkan itu dikatakan polisi afirmatif ini adalah polisi perkauman sedangkan ia tidak begitu.

Pada masa sama kita harus faham mana-mana kerajaan yang hendak mewujudkan polisi afirmatif, matlamat dan reka bentuknya mestilah tepat sebab ia amat terdedah kepada manipulasi dan eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu terhadap polisi ini. Perkara ini saya rasa

harus dilihat di Malaysia bukan kita ekstrem mahu mengelakkan DEB seperti sebelum ini tetapi dengan perubahan teknologi dan kemajuan yang dicapai sekarang saya rasa adalah adil untuk kita membuat penilaian dan menyusunnya semula supaya mungkin menjadi lebih baik dari sekarang berbanding daripada kita tidak lakukan apa-apa terutamanya dalam usaha untuk membantu masyarakat bumiputera.

Adakah dasar afirmatif tidak menumpukan pada mana-mana kaum?
NOOR AZLAN: Sama seperti DEB yang tidak merujuk kepada mana-mana kaum.

Tetapi dalam DEB ada menyelut mengenai 30 peratus eluati bumiputera.

NOOR AZLAN: Isu mengenai 30 peratus pemilihan eluati adalah lebih baik untuk kita melihat semula, kita semua tahu harapan untuk melihat pentilkan itu tidak berjaya sampai sekarang, mungkin sekitar 20 peratus sahaja tetapi lantikanlah sudah mencapai 30 peratus selagi pun, adalah kamu kategorikan diri kamu sudah berjaya?

Saya tidak kata perkara ini salah cuma bagi saya ia wajar untuk kita melihat semula, yang penting apa saja polisi afirmatif yang hendak dilakukan kena ada matlamat yang hendak dicapai dan sebaliknya bagi sesebuah ekonomi ialah apabila matlamat dalam afirmatif itu dicapai ia mesti dikurangkan atau diolah mengikut keperluan waktu itu.

Ini bermaksud perkara ini tidak boleh selama-lamanya diberikan kerana dasar afirmatif adalah untuk membantu mereka yang terpinggir dari segi kedudukan sosial.

Pada masa sama, bagi saya keperluan untuk masyarakat Melayu untuk menyertai dan memiliki aset adalah penting tetapi kita harus lihat kalau kita reka dengan cara salah kemungkinan polisi ini terdedah kepada perkara yang tidak baik kerana kadang-kadang ada pihak yang tidak mahu bekerja dan berusaha, hanya mengharapkan bantuan kerajaan di atas tiket saya bangsa